



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

KENYATAAN MEDIA

SEMINAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN PERINGKAT KEBANGSAAN 2025

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) pada hari ini telah menganjurkan **Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Peringkat Kebangsaan 2025**. Majlis perasmian seminar yang diadakan di *Bangi Avenue Convention Centre* ini telah disempurnakan oleh **Yang Berusaha Dr. Haji Mohd Shaharin bin Umar, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa) KESUMA**.

Seminar ini merupakan platform penting bagi semua peserta berkongsi ilmu, pengalaman dan pandangan tentang isu-isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP), terutamanya dalam konteks cabaran masa kini yang semakin kompleks, serta inovasi yang boleh diketengahkan.

Dengan tema ***"Resilient Innovation for OSH and Employee Wellbeing"***, peserta-peserta seminar didedahkan dengan perundangan terkini yang berkaitan dengan risiko baharu di tempat kerja bagi mengurangkan kemalangan dan penyakit pekerjaan.

Antara topik-topik yang dibentangkan adalah berkaitan halatuju terkini JKKP dan KESUMA berkaitan perundangan terutamanya selepas Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 dikuatkuasakan sepenuhnya pada 1 Jun 2024. Isu terkini seperti pekerja gig, psikososial pekerjaan dan pemeriksaan berkala menggunakan teknologi terkini juga diketengahkan pada seminar ini.

JKKP berperanan penting sebagai penggerak dan penggalak inisiatif teknologi dan inovasi terkini KKP di tempat kerja. Dalam menghadapi era transformasi digital, JKKP mengambil pendekatan yang progresif untuk memperkukuh sistem KKP melalui **inovasi yang berdaya tahan dan mampan**.

Antara langkah utama yang dilaksanakan termasuklah **pendigitalan proses pengurusan KKP** melalui aplikasi permohonan secara dalam talian dan **pembangunan garis panduan perundangan** yang mengambil kira teknologi moden, automasi dan risiko pekerjaan baharu, agar perlindungan terhadap pekerja kekal relevan dengan perubahan industri.

Selain itu, pihak JKKP turut memberi penekanan terhadap aspek **kesejahteraan holistik pekerja (*employee wellbeing*)** yang merangkumi kesihatan mental, keseimbangan kerja dan kehidupan, serta persekitaran kerja yang menyokong daya tahan dan produktiviti. Komitmen ini dizahirkan melalui **pembangunan Garis Panduan Pentaksiran dan Pengurusan Risiko Psikososial di Tempat Kerja 2024** sebagai panduan kepada majikan dalam mengurus faktor psikososial secara lebih sistematik.

Melangkah ke hadapan, KESUMA melalui JKKP akan terus memperkukuh ekosistem pekerjaan yang **berdaya tahan dan inovatif** bagi mewujudkan tenaga kerja Malaysia yang bukan sahaja kompeten, tetapi juga **selamat, sihat dan sejahtera**.

###

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Ketua Pengarah

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia

11 November 2025